

23 OCT 2003

Rais-Media

MEDIA BARAT AKAN TERUS LAKSANA AGENDA PERKECILKAN KEPIMPINAN NEGARA

JASIN, 23 Okt (Bernama) -- Media barat dilihat akan terus melaksanakan agenda mereka yang khusus dalam memperkecilkan kepimpinan negara walaupun selepas pengunduran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata agenda ini dibuat kerana mereka tidak senang melihat Malaysia dalam keadaan yang terpelihara dan maju serta mempunyai pemimpin yang berkebolehan.

" Kita tak dapat menduga (apa yang bakal dilaksanakan oleh media barat). Tetapi apa yang kita dapat lihat ialah trendnya media barat sama ada dalam bentuk elektronik atau media cetak mempunyai agenda yang khusus dalam laporan mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat di Dewan Simpang Bekoh, di sini malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada media asing akan terus melakukan "laporan sebelah pihak" terhadap kepimpinan baru negara, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memikul tugas Perdana Menteri menggantikan Dr Mahathir.

Menurut Rais satu perkara yang harus disedari ialah media barat begitu segera dan cepat untuk membuat liputan yang menyeronokkan sebelah pihak.

Rais berkata media barat akan terus melakukannya, cuma sejauh mana tindakan itu dan untuk menangani agenda media asing itu pemimpin di peringkat atas perlu bijak menganalisis dan memberi reaksi sewajarnya.

Beliau berkata media barat telah memutar-belitkan ucapan Dr Mahathir di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur baru-baru ini dan seolah-olah merumuskan bahawa pandangan itu adalah anti-Yahudi.

" Sedangkan kenyataan yang ditimbulkan oleh Dr Mahathir itu bukan untuk mengutuk mana-mana pihak, bukan mengutuk Yahudi," katanya.

Mengenai keputusan Kerajaan Terengganu bersedia untuk mempertahankan keputusannya melaksanakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) 2002 di mahkamah sekiranya ada pihak yang cuba mencabar enakmen itu daripada segi perundangan, Rais berkata itu terserah kepada kerajaan negeri itu.

" Undang-undang negara sudah jelas bahawa enakmen itu tidak sah dan sekiranya mereka meneruskan undang-undang maka perbuatan itu juga tidak sah.

Rakyat di Terengganu perlu memahami situasi tersebut," katanya.

Rais berkata Perkara 75 Perlembagaan Negara menyebut mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan hendaklah difasalkan supaya undang-undang itu tidak sah.

" Jadi apabila sesuatu negeri cuba mewujudkan dua saluran undang-undang jenayah maka ia di samping mengelirukan rakyat juga menyalahi perlembagaan," katanya.

Beliau juga berkata tindakan seorang peguam Datuk Mohd Zaid Ibrahim yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, memohon perisytiharan mahkamah mengikut Perkara 4 (4) Perlembagaan Persekutuan adalah satu tindakan yang harus dihargai.

Dalam afidavit bagi menyokong permohonannya, Mohd Zaid mendakwa enakmen yang akan diwartakan dan dikuatkuasakan oleh kerajaan Terengganu, bercanggah dengan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan dan bahawa Dewan Undangan Negeri Terengganu tidak mempunyai kuasa untuk memperkenalkan atau meluluskan sebarang undang-undang bagi hukuman atau menghukum perbuatan yang boleh dihukum

mengikut undang-undang Persekutuan.

-- BERNAMA

NO BK